

Kad UOBM Lady's: Pelan "Easi Payment LuxePay"

Terma & Syarat

1. Terma dan syarat ini adalah untuk Pelan "Easi Payment LuxePay" United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (Company No. 271809-K) ("UOBM") ("Pelan"), dan perlu dibaca dengan Perjanjian Ahli Kad UOBM Visa/MasterCard ("Perjanjian").
2. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara terma dan syarat ini dan Perjanjian, terma dan syarat ini akan digunakan untuk semua hal berkaitan dengan Pelan. Kecuali kalau dinyatakan berlainan di dalam dokumen ini, perkataan dan ungkapan yang digunakan di dalam terma dan syarat ini akan membawa makna yang sama di dalam Perjanjian.
3. **Pelan ini dibuka dari 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2019 (termasuk kedua-dua tarikh) ("Tempoh Pelan") kecuali dimaklumkan sebaliknya.**

Kriteria Kelayakan

4. Pelan ini terbuka kepada semua Ahli Kad Utama dan/atau Tambahan UOB Lady's yang mempunyai akaun yang terkini, sah, wujud dan dalam keadaan kredit yang baik yang ditetapkan oleh UOBM berdasarkan budi bicara mutlaknyanya ("Ahli Kad").
5. **Pelan ini hanya dibuka kepada Ahli Kad Kredit UOB Lady's yang dikeluarkan di Malaysia ("Kad").**
6. Berikut adalah mereka yang tidak layak untuk Pelan ini:-
 - a. Ahli Kad yang akaun(-akaun)nya dibatalkan, digantung atau dihentikan dalam Tempoh Pelan;
 - b. Semua Ahli Kad Kredit dan Debit UOBM yang tidak memiliki Kad UOB Lady's;
 - c. Sebarang akaun dengan UOBM yang didapati delinkuen atau tidak dikendalikan dengan baik yang ditetapkan oleh UOBM mengikut budi bicara mutlaknyanya;
 - d. Individu yang tidak siuman atau yang telah menjadi tidak siuman, meninggal dunia, bankrap atau mempunyai sebarang prosiding undang-undang yang dikenakan terhadap mereka.

Mekanisme Pelan

7. Semasa Tempoh Pelan ini, Ahli Kad boleh menukar pembelian runcit untuk jam, barang kemas, kasut, dan/atau beg pembelian runcit yang bernilai RM2,000 dan ke atas dengan menggunakan Kad, kepada bayaran ansuran 6- atau 12- bulan, atau tempoh lain yang mungkin ditetapkan oleh UOBM dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlaknyanya ("Tempoh Pelan"), tertakluk kepada yang berikut:-
 - a. pembelian mesti dibuat secara "online" di laman web rasmi kedai atau di mana-mana gedung atau kedai runcit antarabangsa yang menjual barang kemas, kasut, dan/atau beg sebagai perniagaan utama mereka;

- b. untuk transaksi luar negara, ia akan ditukar kepada Ringgit Malaysia (RM) untuk menentukan sama ada ia layak untuk Pelan ini dan akan berdasarkan rekod transaksi UOBM sahaja dalam Tempoh Pelan ini;
 - c. pembelian mesti dibayar dengan Kad yang terkini, sah dan wujud;
 - d. pembelian mesti di dalam satu resit transaksi;
 - e. ia dalam Had Kredit Akaun Kredit Kad; dan
 - f. pembelian mesti didebitkan ke dalam Akaun Kad Kredit, direkodkan di Akaun Penyata terkini dan merupakan sebahagian daripada baki terkini yang tertunggak dan tidak melepasi Tarikh Akhir Bayaran pada masa permohonan seperti yang dinyatakan di butir 9 di bawah.
8. Transaksi yang tidak layak untuk Pelan termasuk Pendahuluan Tunai, Pemindahan Baki, Pelan Pembayaran Ansuran, Pinjaman Tanpa Faedah, Smart Pay, Perkhidmatan Pembayaran Bil, sebarang skim bayaran ansuran UOBM atau mana- mana institusi kewangan yang lain, yuran tahunan, baki tertunggak atau sebarang caj yang mungkin akan dikenakan oleh UOBM di dalam Perjanjian, yuran atau faedah yang berkaitan dengan transaksi dan promosi-promosi lain dan transaksi –transaksi yang mungkin ditetapkan oleh Bank.
9. **Ahli Kad boleh memohon untuk Pelan ini dalam masa dua puluh (20) hari dari tarikh pembelian (“Tarikh Transaksi”)** dengan menghubungi Pusat Talian UOBM dan/atau mengemukakan borang permohonan UOBM melalui faks ke Pusat Talian UOB di +03-2690 0121, atau melalui cara-cara lain yang mungkin ditetapkan oleh UOBM pada bila-bila masa.
10. UOBM mengikut budi bicara mutlaknya boleh meluluskan atau menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebarang sebab, dan menentukan amaun yang boleh ditukar di bawah Pelan ini, yang akan tertakluk, antara yang lain, kepada: -
- i. status Akaun Kad Kredit ; dan
 - ii. Had Kredit yang ada dalam Akaun Kad Kredit.
11. Tiada amaun faedah selanjutnya akan dicaj jika amaun bayaran ansuran bulanan dibayar dengan sepenuhnya sebelum tarikh akhir yang dinyatakan di dalam Penyata Akaun. Jika tidak, yuran dan caj yang berkenaan seperti yang dinyatakan di butir 18 Perjanjian akan dicajkan ke atas amaun yang tertunggak.
12. Setelah permohonan tersebut diluluskan, baki Had Kredit akan dikurangkan mengikut amaun yang sama dengan pembelian runcit yang ditukar kepada Pelan ini (“Amaun”). UOBM tidak akan menanggung liabiliti Ahli Kad untuk sebarang transaksi yang ditolak oleh rakan dagang disebabkan oleh Had Kredit yang tidak mencukupi.
13. Semasa tempoh pembayaran balik, Amaun akan dibayar balik mengikut ansuran yang sama (“Bayaran Ansuran”). Bayaran Ansuran akan didebitkan ke Akaun Kad Kredit secara terus selepas kelulusan permohonan, dan akan dinyatakan di dalam Penyata Akaun bulan berikutnya , dan akan

dibayar mengikut Perjanjian. Selepas setiap Bayaran Ansuran dibayar, amaun yang sama akan ditambah balik kepada Had Kredit yang sedia ada Ahli Kad.

14. Bayaran Ansuran dikira dengan membahagi Amaun dengan bilangan bulan dalam Tempoh Pelan. Jika berlaku situasi seperti yang dinyatakan di butir 18 di bawah, jumlah amaun secara keseluruhan mesti dibayar secara terus mengikut Perjanjian.
15. Bayaran Ansuran akan dimasukkan ke dalam pengiraan Bayaran Minimum yang perlu dibayar oleh Ahli Kad. Jika Bayaran Ansuran tidak dibayar secara keseluruhan pada tarikh akhir pembayaran, baki Bayaran Ansuran yang tidak dijelaskan akan dikenakan faedah mengikut Perjanjian.
- 16. Ahli Kad boleh membatalkan penyertaan dalam Pelan dengan penerimaan notis bertulis oleh UOBM satu (1) minggu terdahulu (notis sebegini mesti diberi kepada UOBM Cards Payment Centre, Menara UOB) dan yuran pembatalan sebanyak RM50 (atau kadar seperti ini yang mungkin ditentukan oleh UOBM mengikut budi bicara mutlakny). Amaun ini akan didebitkan ke dalam Akaun Kad Kredit Ahli Kad.**
17. Ahli Kad boleh memohon untuk Pelan ini lebih daripada satu kali, bergantung kepada kelayakan Ahli Kad di bawah terma dan syarat dan budi bicara mutlak UOBM.
18. Sekiranya berlaku salah satu atau gabungan situasi yang berikut, jumlah baki di bawah Pelan perlu dibayar secara terus dan caj kewangan serta caj lewat berkenaan perlu dibayar mengikut Perjanjian:
 - i. Terdapat pelanggaran sebarang terma dan syarat;
 - ii. Berlaku ketidakpatuhan menurut Perjanjian;
 - iii. Berlaku kelewatan atau kegagalan pembayaran Bayaran Ansuran atau jumlah yang perlu dibayar di bawah Pelan;
 - iv. Berlaku kegagalan pembayaran balik apa-apa jumlah pada tarikh akhir pembayaran atau kegagalan menunaikan sebarang tanggungjawab atau liabiliti dari semasa ke semasa kepada UOBM untuk sebarang fasiliti perbankan/kredit yang diberikan;
 - v. Pelan ditamatkan untuk sebarang sebab yang mungkin;
 - vi. Kad ditamatkan atau Akaun Kad Kredit ditutup untuk sebarang sebab yang mungkin; atau
 - vii. Ia menjadi mustahil atau salah di sisi undang-undang untuk UOBM menjalankan atau terus menjalankan Pelan ini.

Situasi-situasi di atas juga memberi hak kepada UOBM untuk membatalkan, menarik balik, menggantung atau menghadkan penggunaan Kad, dan menjumlahkan semua amaun tertunggak kepada Akaun Kad Kredit utama.

Terma & Syarat Am

19. Dengan membuat permohonan di bawah Pelan ini, Ahli Kad bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini.

20. Rekod transaksi yang dikekalkan dengan UOBM dan keputusan UOBM dalam semua hal yang berkaitan dengan Pelan ini adalah muktamad and terikat. UOBM tidak diwajibkan untuk memberi sebarang sebab atau melayan sebarang surat-menyurat dengan individu (-individu) dalam hal-hal yang berkaitan dengan Pelan ini.
21. UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi jualan oleh, Visa/MasterCard Worldwide, pertubuhan pedagang, pihak pos atau telekomunikasi atau lain-lain pihak yang mungkin menyebabkan Ahli Kad tersingkir daripada Pelan ini.
22. UOBM tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk yang dialami oleh Ahli Kad dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh Pelan.
23. UOBM tidak akan bertanggungjawab atau menanggung liabiliti terhadap sebarang kecacatan atau ketidakpuasan hati dengan kualiti barangan/barang-barang dan/atau perkhidmatan atau untuk apa-apa pertikaian di antara Ahli Kad dan rakan saudagar.
24. UOBM tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa salah nyataan atau salah nyataan fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkenaan dengan Pelan dan diterbitkan dalam mana-mana media massa, pemasaran atau pengiklanan.
25. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOBM secara jelas mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, waranti atau pengendorsan, sama ada tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa terhad kepada apa-apa yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan Pelan ini.
26. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara terma dan syarat ini dengan sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain yang berkaitan dengan Pelan, terma dan syarat ini akan digunakan.
27. UOBM berhak untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah terma dan syarat Pelan ini dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian mengikut budi bicara mutlaknya melalui paparan di laman web UOBM atau cara lain yang dianggap sesuai oleh UOBM dengan memberi dua puluh satu (21) hari notis terdahulu.
28. Terma dan syarat ini adalah ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

[Tamat]